

05 JAN 2000

EAEC-MALAYSIA

KRISIS ECONOMIC MUNGKIN PERCEPATKAN KEWUJUDAN EAEC, KATA PAKAR

KUALA LUMPUR, 5 Jan (Bernama) -- Krisis ekonomi Asia telah mendorong negara-negara Asia mencari penyelesaian di kalangan sama sendiri dan ini mungkin akan mempercepatkan kewujudan Perkumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEC) yang diilhamkan Malaysia, kata seorang pakar mengenai hal ehwal antarabangsa.

Dr Leszek Buszynski dari International University of Japan, berkata beliau meramalkan interaksi ekonomi yang lebih erat di kalangan ekonomi-ekonomi Asia Timur.

"Ini mungkin menghasilkan apa yang Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pelopori selama ini.

"Bagaimanapun ia mungkin bukan EAEC seperti yang bayangkan Dr Mahathir. Ia merupakan sesuatu yang serasi dengan Amerika Syarikat," kata dekan Kajian Lanjutan Perhubungan Antarabangsa itu.

Dr Buszynski berada di sini untuk mempromosikan universitinya kepada kerajaan Malaysia.

Ditanya secepat manakah EAEC akan menjadi suatu kenyataan, Buszynski berkata akan wujud dalam dua atau tiga tahun lagi.

Dr Mahathir telah mendaya ilhamkan EAEC yang kini berubah menjadi cadangan Asean.

Bagaimanapun, Amerika Syarikat di bawah pentadbiran dahulu menentang perkumpulan itu, kerana bimbang kehadiran perkumpulan seumpama itu akan menjejaskan kedudukan Washington di forum-forum antarabangsa manakala Jepun tidak begitu komited.

Bakal anggota EAEC ialah 10 negara anggota Asean serta Jepun, Korea Selatan dan China.

Buszynski, yang pernah mengajar di England, Australia dan Singapura sebelum menyandang jawatannya sekarang, berkata krisis ekonomi telah meninggalkan kesan utama ke atas politik dan perhubungan antarabangsa di Asia.

Ia juga sedikit sebanyak mengurangkan pengaruh tradisi AS di rantau ini.

Para pemimpin Asia tidak selesa dengan desakan AS mengenai pasaran bebas kerana kebanyakan ekonomi Asia tidak boleh menunaikannya. AS mengharapkan perubahan besar di Asia tetapi perubahan adalah diluar kemampuan ekonomi-ekonomi Asia Timur," katanya.

Katanya negara-negara Asia Timur mencari ketenangan di kalangan sesama sendiri yang paling nyata semasa krisis yang menyaksikan China memperhebatkan kedudukannya di rantau ini.

Buszynski berkata China telah memegang pada janjinya supaya tidak menurunkan nilai Yuannya dan ini telah memperkuatkan pendapat bahawa negara-negara Asia Timur seharusnya mencari penyelesaian di kalangan mereka sendiri terhadap masalah yang berkaitan krisis kewangan.

Ini terbukti apabila para pemimpin Asean di Sidang Kemuncak Tidak Rasmi di Manila November lepas telah membincangkan mekanisme untuk menangani masalah itu, katanya.

Krisis itu juga memulihkan hubungan Jepun-Korean Selatan kerana kedua-dua buah negara itu kini banyak berbincang tentang perjanjian perdagangan bebas berbanding sebelum ini.

Buszynski berkata krisis ekonomi juga meninggalkan kesan utama di kalangan negara-negara Asean lebih-lebih lagi pada keadaan politik.

"Yang paling ketara, pemerintahan Presiden Suharto di Indonesia kini

terakhir dan demokrasi kini menapak di negara itu," katanya.

Pada masa yang sama, ramalan tentang langkah-langkah kawalan modal berpilih-pilih yang dilaksanakan Malaysia akan mendatangkan bencana kepada negara itu dan kebuluran dan perang saudara akan berlaku di Indonesia tidakpun berlaku.

-- BERNAMA

AR MA